

GARIS PANDUAN PEMBAYARAN SAGUHATI DAN HONORARIUM

1.0 TUJUAN

Tujuan Garis Panduan Pembayaran Saguhati dan Honorarium UPNM dibuat adalah bagi menetapkan satu peraturan permohonan pembayaran melibatkan Ketua Penyelidik dan Penerima.

2.0 PANDUAN

- 2.1 Jumlah bayaran honorarium dan perkhidmatan profesional bergantung kepada persetujuan Ketua Penyelidik dan Penerima dan pengesahan daripada PPPI.
- 2.2 Kertas kerja berkaitan hendaklah disediakan oleh Ketua Penyelidik.
- 2.3 Penerima perlu mengemukakan permohonan berserta dokumen sokongan (sebut harga yang berkenaan/berkaitan, surat akuan harga dan sebagainya) dan perincian aktiviti yang dilakukan kepada PPPI sebelum perkhidmatan diberikan. Borang permohonan menggunakan Borang Tuntutan/Saguhati Honorarium.
- 2.4 Jumlah pembayaran honorarium dan perkhidmatan profesional adalah mengikut cadangan yang dikemukakan dalam kertas cadangan penyelidikan atau kertas kerja yang telah diluluskan oleh PPPI. Perkhidmatan yang diberikan mestilah berdasarkan aktiviti penyelidikan yang sedang dijalankan atau boleh membantu dalam penyelidikan tersebut.
- 2.5 Ketua Penyelidik wajib menghantar laporan berkaitan perkhidmatan yang telah diberikan oleh penerima kepada PPPI bagi setiap tuntutan bayaran.
- 2.6 Honorarium boleh dibayar kepada RA/GRA/Pensyarah/Penyelidik yang tidak menjadi ahli dalam projek penyelidikan tersebut.

Rekod Kelulusan	
LPU	Bil 1/2016 – 26 Februari 2016
Senat	Bil 7/2015 – 24 November 2015
JPIU	Bil 3/2015 – 19 November 2015